

PERUTUSAN

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN) KEMENTERIAN KESIHATAN

MALAYSIA

Assalamualaikum w.b.t

Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) adalah merupakan antara aspek yang telah diperkenalkan dalam Sistem Saraan Malaysia mulai tahun 2002 yang bertujuan untuk menggalakkan pembangunan diri penjawat awam melalui pembelajaran berterusan. Pemantapan PTK telah dijalankan pada tahun 2005 dan seterusnya ditambah lagi dengan penambahbaikannya pada tahun 2008, untuk memastikan peranannya sebagai mekanisme pengukuran kompetensi penjawat awam kekal relevan.


Bahagian Pembangunan Kompetensi (BPK) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merupakan Bahagian yang bertanggungjawab melaksanakan PTK bagi penjawat-penjawat KKM. Fungsi BPK bukan sahaja tertumpu kepada operasi pelaksanaan PTK, tetapi juga bertanggungjawab dalam mengemukakan cadangan dasar-dasar terbitan PTK, memastikan sukatan peperiksaan dan kurikulum kursus PTK mematuhi standard yang ditetapkan serta membangunkan program kompetensi berteraskan latihan di KKM.

Dalam memastikan PTK dapat mencapai matlamat pembelajaran berterusan, pelbagai kaedah PTK telah dicadang dan dilaksanakan oleh BPK sejak tahun 2003 ialah nilai taraf kelayakan lulus Bahagian 1, Sarjana Perubatan dan Pergigian (Klinikal) setaraf dengan PTK TK 1 pada Aras III, lulus penuh Sarjana Perubatan / Pergigian (Klinikal) setaraf dengan PTK TK 3 pada Aras III. Bagi pegawai perubatan lantikan tahun 2007 dan sebelumnya yang lulus kursus Housemanship selama setahun dan yang telah berdaftar dengan Malaysian Medical Council (MMC), diberikan nilai taraf PTK TK 1 pada Aras III. Penambahbaikan seterusnya adalah penggunaan kaedah *Continuing Professional Development* (CPD) untuk semua pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Professional dan sokongan (paramedik sahaja) serta penilaian Laporan Khas untuk Kumpulan Sokongan 2 mulai tahun 2010. Pelaksanaan PTK

ditambahbaik dari semasa ke semasa bagi memenuhi kehendak organisasi yang dinamik di KKM.

Garis panduan PTK ini merupakan usaha murni Bahagian Pembangunan Kompetensi (BPK) KKM untuk memberi panduan kepada semua pihak khususnya penjawat-penjawat KKM dalam memahami objektif PTK, dasar-dasar PTK yang terlibat dan pelaksanaan PTK di KKM. Semoga semua pihak mendapat manfaat dari penerbitan ini.

Sekian, terima kasih.



DATO' AHMAD SHAFIQ BIN SAIDIN

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tarikh : 10 Februari 2010

**UCAPAN ALUAN SETIAUSAHA BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA.**

Assalamualaikum w.b.t

Pertama sekali saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat ilahi kerana hasrat Bahagian Pembangunan Kompetensi (BPK) untuk mewujudkan satu garis panduan yang jelas berhubung pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) di Kementerian Kesihatan Malaysia telah dapat disediakan.

Tujuan Garispanduan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ini dikeluarkan adalah untuk membantu semua Bahagian/Jabatan Kesihatan Negeri dan Institusi-institusi di bawah KKM memahami dengan lebih jelas mengenai dasar-dasar umum PTK, dasar-dasar terbitan PTK bagi KKM, pelaksanaan sesuatu kaedah PTK dan tanggungjawab-tanggungjawab yang perlu dilaksanakan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) berhubung PTK. Selain itu, garispanduan ini boleh digunakan oleh semua PTJ bagi memastikan semua penjawat di KKM berpeluang menduduki PTK mengikut kaedah-kaedah semasa yang ditetapkan bagi skim perkhidmatan berkenaan.

Pembangunan kompetensi di KKM merupakan satu proses yang dinamik seiring dengan penambahbaikan skim-skim perkhidmatan dan pengubahsuaian PTK yang dilaksanakan di dalam Perkhidmatan Awam. Maka, BPK bertanggungjawab memainkan peranan yang proaktif dalam memastikan setiap kaedah PTK yang dilaksanakan di KKM adalah memenuhi keperluan kompetensi setiap skim perkhidmatan dan piawai penilaian mengikut setiap tahap kecekapan dengan mengadakan jaringan kerjasama yang lebih rapat dengan ketua program berkenaan. Bagi memastikan usaha pembangunan kompetensi penjawat KKM khususnya elemen pembelajaran berterusan dapat dilaksanakan, semua pihak terutamanya pengurus-pengurus sumber manusia di PTJ dan individu sendiri perlu memantapkan kefahaman mengenai PTK dan kepentingannya dalam pembangunan kerjaya penjawat awam.

Harapan saya agar semua pihak dapat menjadikan garis panduan ini sebagai satu rujukan yang amat berguna dalam pelaksanaan PTK di KKM. Semoga hasrat murni kita untuk mengukuhkan dan mengadakan pelbagai kaedah penilaian di KKM akan dapat mewujudkan anggota-anggota yang kompeten untuk perkhidmatan kesihatan.

Sekian, terima kasih.



HASNAH BT HJ SALEH

Setiausaha

Bahagian Pembangunan Kompetensi

Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tarikh : 10 Februari, 2010



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK)
DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)
MULAI TAHUN 2010**

DISEDIAKAN OLEH:
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ISI KANDUNGAN	M/S
1. TUJUAN	10
2. LATARBELAKANG	10-11
3. OBJEKTIF PTK	11
4. TAFSIRAN	12-15
5. KONSEP PTK	15-17
6. KOMPONEN-KOMPONEN PTK	17
7. SYARAT-SYARAT MENDUDUKI PTK	17-18
8. KELONGGARAN SYARAT MENDUDUKI PTK	18-19
9. TAHAP KECEKAPAN (TK) DI GRED LANTIKAN	
9.1 Tahap Kecekapan (TK 1 dan TK2)	19-20
10. TAHAP KECEKAPAN DI GRED KENAIKAN PANGKAT	
10.1 Tahap Kecekapan (TK 3 hingga TK 6)	21
11. KEDUDUKAN PTK BAGI PEGAWAI YANG DITUKAR LANTIK	21
12. DASAR PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN DI KKM	21
13. KAEDAH PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN DI KKM	22-25
14. SYARAT-SYARAT UNTUK MENGIKUTI PTK BAGI TUJUAN MENDAPAT KEPUTUSAN ARAS IV (KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL SAHAJA)	25-26
15. KEPUTUSAN PTK	27
16. LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI	27-28

17.	NILAI TARAF PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN	28
17.1.1	Sarjana Perubatan Pakar (Klinikal) / Sarjana Pergigian Pakar (Klinikal)	29
17.1.2	Program Kredensialing Pengarah Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia	29–30
17.1.3	Kursus Amali Perubatan (<i>Housemanship</i>) selama 2 tahun	30
18.	KAEDAH LATIHAN BERASASKAN KOMPETENSI (<i>COMPETENCY BASED TRAINING</i>)	30
19.	PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN – CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT (PTK-CPD)	
19.1	Latar Belakang Pelaksanaan CPD di KKM	31
19.2	Penetapan Tarikh Lulus PTK Bagi Urusan Kenaikan Pangkat Pegawai Perubatan/.Pergigian/Farmasi	32
19.3	Kaedah Penilaian PTK-CPD	33
19.4	Strategi Pelaksanaan	
19.4.1	Perancangan Aktiviti CPD	34
19.4.2	Pengiraan Mata Kredit CPD	34
19.5	Kaedah Pemarkahan CPD	38
19.6	Penetapan Aras PTK-CPD	38
19.7	Pengumuman Keputusan PTK-CPD	39
19.8	Kelewatan/Tarikh Akhir Penghantaran Markah CPD	39
20.	GABUNGAN KEPUTUSAN TERBAIK	40
21.	PENUMPANGAN MENDUDUKI PTK	40
22.	SEMAKAN DAN RAYUAN KEPUTUSAN PTK	
22.1	Komponen Fungsional (CPD)	41
22.2	Rayuan Kompoen Fungsional dan Komponen Generik (Bukan CPD)	41
23.	PERTANYAAN	42

SENARAI JADUAL	M/S
1. JADUAL 1 : ARAS KESUKARAN MENGIKUT TAHAP YANG DITETAPKAN	16
2. JADUAL 2 : TAHAP KECEKAPAN (TK) DI GRED LANTIKAN	20
3. JADUAL 3 : PTK MENGIKUT KUMPULAN PERKHIDMATAN	22–23
4. JADUAL 4 : KAEDAH PELAKSANAAN PUSAT PENILAIAN KOMPETENSI (CPD GENERIK) BAGI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (TEMPOH 1 HARI)	24
5. JADUAL 5 : KAEDAH PELAKSANAAN PUSAT PENILAIAN KOMPETENSI (CPD GENERIK) BAGI KUMPULAN SOKONGAN 1(TEMPOH 2 HARI)	25
6. JADUAL 6 : KAEDAH PELAKSANAAN PUSAT PENILAIAN KOMPETENSI (CPD GENERIK) BAGI KUMPULAN SOKONGAN 1(TEMPOH 1 HARI)	25
7. JADUAL 7 : PENETAPAN KEPUTUSAN PTK BAGI ARAS IV	26
8. JADUAL 8 : PENETAPAN ARAS PTK MENGIKUT MATA KREDIT CPD UNTUK PEGAWAI PERUBATAN, PEGAWAI PERGIGIAN, PEGAWAI FARMASI, PEGAWAI PENGAJAR PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN, JURUTERA, JURURAWAT DAN PEGAWAI SAINS KESIHATAN BERSEKUTU	35
9. JADUAL 9 : PENETAPAN ARAS PTK MENGIKUT MATA KREDIT CPD UNTUK KUMPULAN SOKONGAN (DIPLOMA) (GRED U29, U32, U36. Q27, Q32. Q36, Q38 DAN Q 40)	36
10. JADUAL 10: PENETAPAN ARAS PTK MENGIKUT MATA KREDIT CPD UNTUK KUMPULAN PENGURUSAN PENGURUSAN DAN PROFESSIONAL PEGAWAI PENYELIDIK	37

11.JADUAL 11 : PENETAPAN ARAS PTK MENGIKUT MATA KREDIT KUMPULAN SOKONGAN (SIJIL) JURURAWAT	37
--	----

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN 1	:DASAR PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)	43
LAMPIRAN 2	:CARTA ALIR TATACARA PENGUMPULAN MATA KREDIT CPD (KOMPONEN FUNGSIONAL) UNTUK TUJUAN PTK BAGI PEGAWAI PERUBATAN, PEGAWAI PERGIGIAN DAN PEGAWAI FARMASI	46
LAMPIRAN 3	:CARA PENGIRAAN MATA KREDIT CPD BAGI PTK	47
LAMPIRAN 4	:GARIS PANDUAN UMUM <i>CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT</i> (CPD)YANG DISEDIAKAN OLEH BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN, KKM	55
LAMPIRAN 5	:BORANG CPD01(B) MULAI TAHUN 2009	81

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

1. TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan tentang dasar-dasar serta pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi penjawat awam dari gred 1 hingga gred 54 pelbagai skim perkhidmatan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2. LATARBELAKANG

2.1 PTK adalah satu instrumen untuk menilai kompetensi penjawat awam dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang positif. PTK diperkenalkan di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) mulai 1 November 2002 dan mula dilaksanakan pada tahun 2003.

2.2 PTK telah ditambahbaik dan dimantapkan pada tahun 2005 meliputi kaedah penilaian, wajaran pemarkahan, tempoh kursus, pemberian nilai taraf, pelaksanaan Kursus Kenegaraan, penetapan tahap keputusan dan persediaan bagi menduduki PTK. Selain itu, penambahbaikan juga dibuat terhadap kekerapan dan peluang menduduki PTK serta pengukuhan struktur pengurusan PTK dengan menetapkan Ketua Setiausaha/Setiausaha Kerajaan Negeri / Ketua Agensi sebagai Pengerusi Lembaga Penilaian Kompetensi yang berkenaan.

2.3 Pada akhir tahun 2008, di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 19 Tahun 2008 mengenai Pengubahsuaian PTK, pelaksanaannya terus diperkemaskan dengan memantapkan lagi aspek penilaian. Antaranya mengadakan kaedah penilaian alternatif, penilaian wajib untuk kewangan, calon dibenarkan menduduki PTK bagi jawatan yang dipangku, dan sebagainya.

2.4 Bagi merealisasikan hasrat pembangunan modal insan berasaskan kompetensi, semua penjawat awam diseru untuk melaksanakan perkara-perkara berikut :

- (i) meningkatkan keupayaan diri untuk menghadapi cabaran globalisasi;
- (ii) meningkatkan daya saing Negara;
- (iii) memupuk sikap dan budaya baru;
- (iv) menambahkan keberkesanan pelaksanaan projek dan penyampaian perkhidmatan;
- (v) meningkatkan keprihatinan terhadap aduan rakyat; dan
- (vi) proaktif terhadap cabaran baru.

3. OBJEKTIF PTK

3.1 Objektif PTK adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

- i) Menggalakkan pembangunan diri melalui pembelajaran berterusan;
- ii) Menggalakkan pembangunan pengetahuan, kemahiran, kreativiti, inovasi dan *multi- skilling* pelaksanaan tugas;
- iii) Menerapkan budaya kerja berpasukan;
- iv) Memantapkan organisasi pembelajaran (*learning organization*) dalam sektor awam selaras dengan matlamat melahirkan pekerja berpengetahuan (*k-workers*);
- v) Melaksanakan pengurusan sumber manusia berasaskan kompetensi; dan
- vi) Membolehkan pengiktirafan diberikan kepada penjawat melalui anjakan gaji dan sebahagian syarat untuk kemajuan kerjaya.

4. TAFSIRAN

”**Anjakan Gaji**” bermaksud pergerakan gaji daripada mata gaji semasa ke mata gaji di Tangga (T) berikutnya pada satu Peringkat (P) yang lebih tinggi dalam Jadual Gaji Matriks Sistem Saraan Malaysia. Anjakan gaji ini hanya berlaku **sekiranya masih terdapat ruang** pergerakan gaji pada gred yang sama.

”**Bimbingan PTK**” bermaksud aktiviti/program untuk membantu penjawat mendapatkan pengetahuan asas berkaitan bidang tugas masing-masing. Bimbingan PTK dalam garis panduan ini bermaksud bahan-bahan rujukan bagi Komponen Generik bagi Kumpulan Sokongan I yang dipaparkan di portal BPK bagi membantu calon membuat persediaan PTK.

”**Latihan Berasaskan Kompetensi (*Competency Based Training*)** ” bermaksud program latihan mengenai kemahiran dan pengetahuan secara terancang untuk meningkatkan kompetensi penjawat mengikut kumpulan sasar tertentu.

”***Continuing Professional Development (CPD)***” bermaksud aktiviti berkonsepkan pembelajaran secara berterusan bertujuan untuk meningkatkan ilmu, kemahiran dan pengalaman. Aktiviti berkenaan tidak termasuk senarai tugas harian dan melibatkan aspek pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti-aktiviti ini akan diberikan mata kredit (*Credit Points*) seperti yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling KPK Bilangan 4 Tahun 2007. Kaedah CPD pada masa Oini mengukur aspek Kompetensi Fungsional.

”**Aras Keputusan**” bermaksud peringkat keputusan bagi komponen yang telah ditetapkan oleh Lembaga Penilaian Kompetensi, KKM berdasarkan markah yang dicapai.

”Pemangkuan” yang berhubung dengan penjawat awam, bererti pelaksanaan tugas oleh seorang pegawai secara sepenuh masa dalam suatu jawatan lain yang lebih tinggi grednya daripada gred hakiki pegawai itu dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama dengan kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat.

”Jawatan Kader” bermaksud jawatan yang dipunyai oleh seseorang Kementrian/Jabatan yang diwujudkan di pelbagai agensi berdasarkan keperluan, tetapi pengisiannya dilaksanakan dan dikawal oleh Ketua Perkhidmatan asal yang berkenaan.

”Kaedah Alternatif” bermaksud kaedah penilaian PTK yang dilaksanakan selain daripada kaedah penilaian PTK semasa.

”Kaedah Penilaian” bermaksud Pelaksanaan penilaian PTK melalui pelbagai cara seperti peperiksaan, Pusat Penilaian Kompetensi atau Laporan Khas.

”Keputusan Keseluruhan Semasa” bermaksud keputusan PTK yang meliputi gabungan keputusan Kompetensi Generik dan Kompetensi Fungsional untuk satu-satu sesi PTK yang diduduki.

”Keputusan Keseluruhan Terbaik” bermaksud gabungan keputusan terbaik Kompetensi Generik dan Kompetensi Fungsional dari PTK-PTK yang telah diduduki pada TK yang sama.

”Ketua Jabatan” bermaksud seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu Pusat Tanggungjawab (PTJ).

”Laporan Khas” bermaksud kaedah penilaian PTK bagi Kumpulan Sokongan II melalui laporan prestasi kerja dan sikap.

”Lembaga Penilaian Kompetensi Kementerian Kesihatan Malaysia (LPK KKM)” bermaksud Lembaga yang bertanggungjawab memperaku/meluluskan

dasar-dasar, keputusan PTK dan kes-kes rayuan PTK penjawat awam di Kementerian Kesihatan. LPKKKM dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KKM.

”**Lulus PTK**” bermaksud melepasi tahap kompetensi yang ditetapkan bagi sesuatu PTK.

”**Membaiki Aras**” bermaksud usaha meningkatkan keputusan PTK dari Aras III ke Aras IV.

”**Mengulangi PTK**” bermaksud menduduki semula PTK Kompetensi Generik dan/atau Kompetensi Fungsional untuk mendapatkan keputusan keseluruhan sekurang-kurangnya pada Aras III.

”**Nilai Taraf**” bermaksud kelulusan atau kelayakan profesional/teknikal yang dimiliki oleh penjawat awam yang dinilai setaraf dengan/atau sebahagian komponen kompetensi PTK ditahap berkaitan. Kelulusan nilai taraf ditetapkan oleh Lembaga Penilaian Kompetensi Perkhidmatan Awam (LPKPA).

”**Penilaian Pemahaman**” bermaksud kaedah penilaian PTK menggunakan kaedah peperiksaan.

”**Penilaian Tempat Kerja (*Work Place Assessment*)**” bermaksud kriteria penilaian yang melibatkan pembentangan calon berhubung bidang tugas jawatan yang disandang.

”**Penjawat Awam**” bermaksud seseorang yang berkhidmat secara tetap dalam Perkhidmatan Awam di Kementerian Kesihatan Malaysia.

”**Percambahan Ilmu**” bermaksud aktiviti ceramah/perkongsian ilmu oleh penceramah yang arif di dalam sesuatu bidang.

”**Program Kredensialing Pengarah Hospital**” bermaksud program bagi Pengarah-Pengarah Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia yang

dilaksanakan di Institut Pengurusan Kesihatan (IPK) selama 14 bulan atau satu tempoh tertentu yang ditetapkan.

“PTK-CPD” bermaksud kaedah untuk mengukur keputusan keseluruhan PTK melalui gabungan antara keputusan komponen Fungsional dari mata kredit CPD dengan keputusan komponen Generik.

“Pusat Penilaian Kompetensi” bermaksud Penilaian PTK secara berpusat menggunakan kaedah yang ditetapkan.

“Refleksi” bermaksud kriteria penilaian yang melibatkan pandangan atau pendapat calon bagi sesuatu topik/perkara tertentu

“Skim Perkhidmatan Bukan Gunasama” bermaksud skim perkhidmatan di bawah Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

“Skim Perkhidmatan Gunasama” bermaksud skim perkhidmatan di bawah Ketua Perkhidmatan selain Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

“Tahap Kecekapan” bermaksud gabungan aspek pengetahuan, kemahiran serta ciri-ciri sikap, nilai dan etika yang perlu bagi sesuatu bahagian/jabatan.

5. KONSEP PTK

5.1 PTK bermaksud penilaian tahap pencapaian seseorang penjawat awam dari aspek pengetahuan, nilai dan etika kerja positif yang perlu bagi sesuatu gred jawatan dalam perkhidmatan berkenaan. Tahap Kecekapan (TK) bermaksud gabungan aspek pengetahuan, kemahiran serta ciri-ciri sikap, nilai, etika kerja positif yang perlu ada bagi sesuatu gred jawatan untuk perkhidmatan berkenaan. Ia berbeza dari segi gred jawatan dan aras kesukaran.

5.2 Terdapat enam (6) Tahap Kecekapan (TK) iaitu TK1 – TK6 bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan empat (4) tahap kecekapan (TK1 – TK4) bagi Kumpulan Sokongan. Penetapan tahap adalah berdasarkan gred jawatan, aras kesukaran dan kemahiran.

JADUAL 1

ARAS KESUKARAN MENGIKUT TAHAP YANG DITETAPKAN

TAHAP KECEKAPAN	ARAS KESUKARAN	MAKSUD ARAS KESUKARAN
TK 1	Pengetahuan	Kebolehan mengingati semula perkara-perkara yang sudah dipelajari
TK 2	Kefahaman	Kebolehan memahami makna perkara yang dipelajari
TK 3	Aplikasi	Kebolehan menggunakan maklumat untuk menyelesaikan masalah
TK 4	Analisis	Kebolehan memecahkan bahan-bahan yang dipelajari kepada bahagian kecil serta mengenal pasti hubungan antara bahagian dan menyusun semula elemen-elemen berkenaan
TK 5	Sintesis	Kebolehan menyatukan bahan-bahan yang dipelajari kepada satu kesatuan/ rumusan
TK 6	Penilaian	Kebolehan menilai bagi tujuan tertentu dengan menggunakan kriteria yang ditetapkan

- 5.3 Bagi Kumpulan Sokongan, aras kesukaran adalah dari TK 1 hingga TK 4 sahaja seperti yang terkandung di dalam Jadual 1 di atas.
- 5.4 PTK bagi penjawat awam KKM (Bukan Gunasama) adalah dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Kompetensi, KKM. Manakala PTK bagi skim perkhidmatan Gunasama dan jawatan Kader dikendalikan oleh Ketua Perkhidmatan masing-masing.

6. KOMPONEN-KOMPONEN PTK

- 6.1 PTK mengandungi dua bahagian iaitu **Kompetensi Generik** dan **Kompetensi Fungsional**.
- 6.2 **Kompetensi Generik** meliputi perkara-perkara yang perlu dimiliki oleh semua lapisan penjawat awam seperti ciri-ciri peribadi, kepimpinan dan komunikasi. Manakala **Kompetensi Fungsional** ialah kecekapan yang berkaitan tugas jawatan dalam perkhidmatan penjawat awam.

7. SYARAT-SYARAT MENDUDUKI PTK

- 7.1 Semua penjawat awam di bawah SSM perlu menduduki dan lulus PTK sebagai salah satu syarat pertimbangan kenaikan pangkat dan/atau anjakan gaji mengikut aras keputusan yang ditetapkan.
- 7.2 Setiap penjawat awam berpeluang menduduki PTK dengan syarat-syarat seperti berikut:
- i) Telah disahkan di dalam perkhidmatan;
 - ii) Telah berada di gred yang disandang secara hakiki; dan
 - iii) Diperakukan oleh Ketua Jabatan

- 7.3 BPK mempunyai budibicara untuk menetapkan keutamaan menduduki PTK bagi calon-calon yang memohon mengikut kapasiti dan keperluan perkhidmatan.
- 7.4 Lulus PTK adalah **SALAH SATU** daripada syarat kenaikan pangkat. Bagi tujuan kenaikan pangkat, penjawat awam perlu lulus PTK (sekurang-kurangnya Aras III) bagi kedua-dua komponen Generik dan Fungsional; dan
- 7.5 Penjawat awam yang lulus PTK pada Aras IV bagi kedua-dua komponen Generik dan Fungsional **layak dipertimbangkan** untuk anjakan gaji. Keputusan anjakan gaji ditetapkan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia jabatan masing-masing tertakluk kepada perakuan Ketua Jabatan penjawat.

8. KELONGGARAN SYARAT MENDUDUKI PTK

- 8.1 Selaras dengan peruntukan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 19 Tahun 2008, seseorang penjawat awam yang memangku atau yang dipinjamkan/ditukar sementara diberi kelonggaran syarat menduduki PTK tertakluk kepada syarat-syarat berikut :
- (i) Penjawat awam telah lulus PTK di gred hakiki;
 - (ii) Penjawat awam yang memangku dibenarkan menduduki PTK satu gred lebih tinggi sahaja daripada gred hakikinya; dan
 - (iii) **Penjawat awam yang memilih untuk menggunakan kelonggaran syarat ini, keputusan keseluruhan yang boleh dipertimbangkan adalah tidak lebih daripada Aras III walaupun tarikh kenaikan pangkat penjawat dikebelakangkan (*back dated*).**

Contoh kes :

Puan A menduduki PTK TK 4 di Gred U36 (Memangku) pada 1hb Jun, 2010. Walaupun Puan A mendapat markah pada Aras IV bagi kedua-dua komponen Generik dan Fungsional, beliau hanya layak mendapat keputusan keseluruhan pada Aras III sahaja.

Puan A mendapat kenaikan pangkat ke Gred U36 yang dikebelakangkan tarikh kuatkuasanya iaitu pada 1hb April 2010. **Keputusan keseluruhan PTK masih pada Aras III memandangkan Puan A menduduki PTK TK4 tersebut semasa memangku Gred U36. Keputusan PTK adalah berdasarkan gred penjawat semasa memohon.**

9. TAHAP KECEKAPAN (TK) DI GRED LANTIKAN

9.1 Tahap Kecekapan (TK 1 dan TK2)

Bagi penjawat awam yang berada di gred lantikan, boleh menduduki PTK di tahap berkenaan bagi tujuan kenaikan pangkat/anjakan gaji.

JADUAL 2
TAHAP KECEKAPAN (TK) DI GRED LANTIKAN

BIL.	TK	PERINGKAT GAJI	KENAIKAN PANGKAT	ANJAKAN GAJI	CATATAN
1.	1	P1	√	√	<ul style="list-style-type: none"> Telah disahkan dalam perkhidmatan Anjakan Gaji hanya boleh dipertimbangkan <u>selepas 3 tahun dari tarikh perlantikan</u> Komponen PTK lengkap setelah mengikuti Kursus Kenegaraan (BTN) dengan jayanya. (<i>bagi penjawat lantikan pertama dalam Perkhidmatan Awam pada 2 Januari, 2002 dan selepasnya</i>)
2.	2	P2	√	√	<p>Bagi tujuan Anjakan Gaji perlu berada di tangga gaji P2 <u>sekurang-kurangnya satu (1) tahun.</u></p> <p>Oleh itu penjawat hanya dibenarkan menduduki PTK di TK lebih tinggi setelah berada di tangga gaji P2 sekurang-kurangnya setahun.</p>
3.	3	P2	√	X	Tiada pertimbangan bagi Anjakan Gaji (<i>P3 peringkat gaji maksimum</i>)

- Penjawat awam hanya perlu lulus **salah satu** TK 1 atau TK 2 untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi.

10. TAHAP KECEKAPAN DI GRED KENAIKAN PANGKAT

10.1 Tahap Kecekapan (TK 3 hingga TK 6)

- i) Penjawat awam boleh menduduki PTK apabila berada di gred kenaikan pangkat secara hakiki bagi tujuan kenaikan pangkat dan/atau Anjakan Gaji.
- ii) Keputusan TK 6 hanya digunakan untuk tujuan Anjakan Gaji sahaja dan **bukan salah satu syarat untuk kenaikan pangkat ke Gred Khas/Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA);**

11. KEDUDUKAN PTK BAGI PEGAWAI YANG DITUKAR LANTIK

- 11.1 Penjawat awam yang ditukar lantik ke Skim Perkhidmatan Bersepadu (contoh : Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan), hanya boleh menduduki PTK bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional **setelah disahkan dalam jawatan Pengurusan dan Profesional yang disandang.**

Contoh kes :

Jururawat Gred U36 ditukar lantik ke Jururawat Gred U42 di dalam Skim Perkhidmatan Bersepadu. Beliau perlu lulus PTK TK4 bagi jawatan Gred U36 sebelum disahkan dalam jawatan Gred U42. Setelah beliau sah dalam jawatan Gred U42 dengan memenuhi syarat-syarat perkhidmatan yang ditetapkan, beliau boleh memohon untuk menduduki PTK TK 1 bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

12. DASAR PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN DI KKM

- 12.1 Dalam melaksanakan PTK di KKM, disamping dasar-dasar utama (yang dikeluarkan oleh agensi pusat), KKM dari semasa ke semasa juga mengeluarkan beberapa dasar terbitan yang relevan dengan keperluan perkhidmatan di Kementerian ini. Di antara dasar-dasar terlibat adalah seperti di **Lampiran 1.**

13. KAEDAH PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN DI KKM

13.1 Kaedah pelaksanaan PTK di KKM diubahsuai selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 19 Tahun 2008, yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2009. Pelaksanaan pengubahsuaian PTK ini memberi fleksibiliti kepada kementerian untuk menentukan kaedah penilaian PTK yang bersesuaian bagi semua skim perkhidmatan.

13.2 Di bawah pengubahsuaian ini, prinsip-prinsip asas PTK sebagaimana yang dinyatakan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 masih lagi terpakai. Walau bagaimanapun, beberapa prinsip baru telah diperkenalkan bagi memantapkan aspek pengurusan dan kaedah penilaian PTK. Kaedah pengubahsuaian PTK bagi KKM yang akan dilaksanakan mulai tahun 2010 adalah seperti berikut :

JADUAL 3
PTK MENGIKUT KUMPULAN PERKHIDMATAN

<i>KUMPULAN PERKHIDMATAN</i>	<i>KAEDAH</i>		
	<i>KOMPONEN GENERIK</i>	<i>KOMPONEN FUNGSIONAL</i>	<i>TARIKH PELAKSANAAN</i>
• Pengurusan dan Profesional	CPD Generik	CPD Fungsional	1.1.2010
• Skim Perkhidmatan N / W TK 1/ TK2 dan TK3	Penilaian Pemahaman	Penilaian Pemahaman	1.1.2010
	Latihan Berasaskan Kompetensi (CBT)	Latihan Berasaskan Kompetensi (CBT)	1.1.2013
• Sokongan I (TK 4) • Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Rekod/Stor TK 3	Pusat Penilaian Kompetensi	Pusat Penilaian Kompetensi	1.1.2010

<ul style="list-style-type: none"> • Skim Jururawat/ Penolong Pegawai Perubatan/ Perkhidmatan Kejuruteraan/ Penolong Pegawai Penyelidik (TK 1-TK3) 	<p>Penilaian Pemahaman + Bimbingan PTK</p>	<p>CPD Fungsional</p>	<p>1.1.2010</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Skim Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan (TK 4) 	<p>Pusat Penilaian Kompetensi</p>	<p>CPD Fungsional</p>	<p>1.1.2010</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Semua Skim Kumpulan Sokongan II 	<p>Laporan Khas</p>	<p>Laporan Khas/ Sijil Latihan Peningkatan Atendan Kesihatan (SLPAK)/CPD</p>	<p>1.1.2010</p>
<ul style="list-style-type: none"> • Lain-lain Kumpulan Sokongan I 	<p>Penilaian Pemahaman + Bimbingan PTK</p>	<p>Penilaian Pemahaman</p>	<p>1.1.2010</p>
	<p>CPD</p>	<p>CPD</p>	<p>1.1.2012</p>

*tertakluk kepada pindaan

13.3 Kaedah Pelaksanaan Pusat Penilaian Kompetensi (CPD Generik)

Bagi kaedah Pelaksanaan Pusat Penilaian Kompetensi (CPD Generik) aktiviti penilaian dan pemarkahan mengikut TK adalah seperti di Jadual 4 dan Jadual 5.

JADUAL 4

Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Tempoh 1 hari)

TAHAP KECEKAPAN	AKTIVITI PENILAIAN	PEMARKAHAN	
<ul style="list-style-type: none"> • TK 1- TK 5 	<ul style="list-style-type: none"> • Percambahan Ilmu Modul Kewangan (2 jam) 	<ul style="list-style-type: none"> • 20 mata kredit (wajib hadir keseluruhan aktiviti penilaian) 	<p align="center">Aras III</p>
	<ul style="list-style-type: none"> • Percambahan Ilmu Modul Pengurusan Organisasi (Sumber Manusia/ Nilai Etika/ Komunikasi) (2 jam) 		
	<ul style="list-style-type: none"> • Penilaian Kumpulan (2 jam) 		
	<ul style="list-style-type: none"> • Tugas Khas 	<ul style="list-style-type: none"> • Aras IV 	
<ul style="list-style-type: none"> • TK 6 	<ul style="list-style-type: none"> • Percambahan Ilmu - Kewangan 2 jam - Kepimpinan 2 jam 		
	<ul style="list-style-type: none"> • Penilaian Kumpulan (2 jam) 	<p align="center">40 mata kredit (Aras III)</p>	
	<ul style="list-style-type: none"> • Penilaian Individu (100%) - Kertas Refleksi - Kertas Tugas 	<ul style="list-style-type: none"> • 20 % • 80 % 	<p align="center">Aras IV</p>

JADUAL 5
Bagi Kumpulan Sokongan I (Tempoh : 2 hari)

TAHAP KECEKAPAN	GRED JAWATAN (N/U/W)	KOMPONEN GENERIK	KOMPONEN FUNGSIONAL
TK4	N26/ W26 / U36	<ul style="list-style-type: none"> • Kertas Tugas Individu (60%) • Perbincangan Kumpulan (20%) • Kertas Refleksi (20%) 	Penilaian Pengurusan Tempat Kerja (<i>Workplace Assessment</i>) / CPD (100%)
TK4A	U38		
TK4B	U40		

JADUAL 6
Bagi Kumpulan Sokongan I (Tempoh : 2 hari)

TAHAP KECEKAPAN	GRED JAWATAN (N)	KOMPONEN GENERIK	KOMPONEN FUNGSIONAL
TK3		Perbincangan Kumpulan (40%)	Penilaian Pemahaman (100%)
		Penilaian Pemahaman (60%)	

14. SYARAT-SYARAT UNTUK MENGIKUTI PTK BAGI TUJUAN MENDAPAT KEPUTUSAN ARAS IV (KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL SAHAJA).

14.1 Melalui kaedah pengubahsuaian PTK di KKM, penjawat yang terlibat dengan kaedah PTK-CPD perlu memenuhi syarat-syarat berikut

sebelum memohon untuk mengikuti PTK bagi tujuan mendapatkan keputusan pada Aras IV :

- (i) melengkapkan komponen generik pada Aras III pada tahun semasa atau sebelumnya, dan komponen fungsional (CPD) pada Aras IV tahun semasa.
- (ii) berada di gred yang disandang secara hakiki; dan
- (ii) penjawat awam yang memohon untuk melaksanakan Tugas Khas mendapatkan Aras IV tetapi tidak berjaya, hanya dibenarkan untuk membaiki keputusan sekali (1) sahaja di gred berkenaan, selaras dengan SPP Bil 19 Tahun 2008.

JADUAL 7

Penetapan Keputusan PTK Bagi Aras IV

<i>KUMPULAN PERKHIDMATAN</i>	KAEDAH	
	<i>KOMPONEN FUNGSIONAL</i>	<i>KOMPONEN GENERIK</i>
<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan dan Profesional 	<p>memenuhi mata kredit CPD yang ditetapkan bagi Aras IV.</p>	<p>Mengikuti CPD dalam dua (2) bidang seperti di bawah dan melaksanakan Tugas Khas.</p>
		<ul style="list-style-type: none"> • Kewangan (Wajib) • Pengurusan Organisasi • Sumber Manusia • Nilai dan Etika • Komunikasi <div style="display: flex; align-items: center; justify-content: flex-end;"> } <p>salah satu bidang</p> </div>

15. KEPUTUSAN PTK

- 15.1** Semua keputusan semasa PTK boleh dimuat turun dari Portal KKM. Bagi negeri-negeri seperti Perak, Pahang, Sabah dan Sarawak, slip keputusan masih dikeluarkan oleh BPK untuk keperluan calon-calon yang bertugas di kawasan pedalaman.
- 15.2** Keputusan PTK yang dimuat turun dari Portal KKM perlu disahkan oleh Ketua Jabatan calon, untuk digunakan bagi urusan perkhidmatan.
- 15.3** Calon adalah bertanggungjawab menyimpan slip keputusan PTK mereka untuk digunakan bagi urusan perkhidmatan. Calon hanya dibenarkan memohon satu (1) kali sahaja untuk mendapatkan salinan slip keputusan yang hilang. Permohonan perlu dibuat secara bertulis ke BPK.
- 15.4** Calon yang didapati membuat sebarang pindaan ke atas slip keputusan PTK dengan niat tidak jujur bagi apa juga tujuan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

16. LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI

16.1 Keanggotaan Lembaga Penilaian Kompetensi (LPK), KKM adalah terdiri daripada:

- (a) Pengerusi : Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
- (b) Ahli : Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Wakil Jabatan Perkhidmatan Awam
Wakil Bahagian Sumber Manusia
Wakil Bahagian Pengurusan Latihan
Wakil Bahagian Perkembangan Perubatan
Wakil Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Wakil Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Wakil Bahagian Kesihatan Pergigian
Wakil Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
Wakil Institusi Penyelidikan

Wakil Bahagian Kawalan Peralatan
Perubatan
Wakil Bahagian Keselamatan dan Kualiti
Makanan

(c) Urusetia : Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan Kompetensi
Kementerian Kesihatan Malaysia

16.2 Kuorum LPKKKM hendaklah sekurang-kurangnya tiga (3) orang termasuk Pengerusi.

16.3 LPKKKM bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berikut:

- i. dasar PTK di peringkat Kementerian;
- ii. penentuan nilai taraf sebagai pengganti atau pelengkap kepada komponen PTK dan memperakukannya kepada LPKPA;
- iii. kelulusan sukatan penilaian;
- iv. pelantikan Panel Penilaian;
- v. pemantauan PTK yang dikendalikan oleh Kementerian
- vi pertimbangan dan pengesahan keputusan PTK yang diperakukan oleh Panel Penilaian; dan
- vii. pertimbangan dan keputusan rayuan PTK.

17. NILAI TARAF PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

17.1 Lembaga Penilaian Kompetensi Perkhidmatan Awam (LPKPA) telah meluluskan pemberian Nilai Taraf ke atas kelayakan profesional / teknikal yang dinilai setara dengan PTK bertujuan untuk mengiktiraf kelayakan tersebut sebagai memenuhi kompetensi sesuatu skim perkhidmatan bagi gred-gred tertentu. Nilai Taraf yang telah diluluskan adalah seperti berikut :

17.1.1 Sarjana Perubatan Pakar (Klinikal) / Sarjana Pergigian Pakar (Klinikal)

- Lulus Bahagian Satu (*Part 1*) Program Sarjana dinilai taraf sebagai lulus PTK TK 1 pada Aras III.
- Lulus sepenuhnya Program Sarjana dinilai taraf sebagai lulus PTK TK 3 pada Aras III.
- Tarikh gunapakai kelulusan nilai taraf adalah mengikut tarikh kelulusan kelayakan oleh pihak Universiti/penganjur program.
- Kelayakan Sarjana yang diberi nilai taraf hanyalah bagi program-program yang diiktiraf oleh Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM.

17.1.2 Program Kredensialing Pengarah Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia

- Program Kredensialing Pengarah Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan program yang dibuat secara modular selama 14 bulan yang meliputi latihan bilik darjah, penulisan kertas projek, penyelidikan dan praktikal.
- Pensijilan dilaksanakan secara bersama oleh Bahagian Perkembangan Perubatan KKM, Institut Pengurusan Kesihatan KKM, *United Nation University* dan Jabatan Kesihatan Masyarakat, UKM
- Program ini dinilai taraf dengan PTK di TK 4/TK5/TK6 Kompetensi Generik dan Fungsional pada Aras mengikut markah kepada Pengarah-Pengarah Hospital Gred UD48/UD52/UD54:

MARKAH	ARAS
80-100	Aras IV
60 - 79	Aras III

- **Nilai Taraf hanya boleh digunakan sekali sahaja pada TK berkenaan dan penentuan TK adalah berdasarkan gred pegawai semasa menduduki peperiksaan akhir (*Viva*).**

17.1.3 **Kursus Amali Perubatan (*Housemanship*) selama 2 tahun**

- Kelayakan Kursus Amali Perubatan (*Housemanship*) selama dua (2) tahun dan Kursus Induksi Khas Pegawai Perubatan dinilai taraf dengan PTK di TK 1 Komponen Fungsional dan Generik pada Aras III bagi Pegawai Perubatan Gred UD41.
- **Tarikh gunapakai kelayakan ini adalah sehari selepas pegawai disahkan dalam perkhidmatan.**

18. KAEDAH LATIHAN BERASASKAN KOMPETENSI (*COMPETENCY BASED TRAINING*)

- 18.1** Latihan Berasaskan Kompetensi atau *Competency Based Training* (CBT) merupakan satu program latihan terancang yang bertujuan untuk memantapkan kecekapan sistem penyampaian (*delivery system*) melalui peningkatan kompetensi teras di kalangan kumpulan sasar, iaitu penjawat di dalam Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 dan Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17. Konsep program ini merupakan kursus secara desentralisasi menggunakan sistem *Training of Trainer* (ToT).
- 18.2** Keberhasilan utama program adalah untuk memastikan semua Pembantu Tadbir di Kementerian ini mempunyai ilmu dan kemahiran di dalam bidang teras iaitu pengurusan perkhidmatan, pengurusan kewangan, pengurusan aset dan stor serta Pentadbiran Am. Di samping itu, sistem ToT yang digunakan akan menyediakan pakar rujuk (*key personnel*) di peringkat PTJ.
- 18.3** CBT juga dirancang untuk dijadikan kaedah alternatif Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir di KKM dalam jangka masa sederhana, iaitu setelah pelaksanaan CBT dapat dijalankan dengan lancar.

19. PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN – *CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT* (PTK-CPD)

19.1 LATAR BELAKANG PELAKSANAAN CPD DI KKM

Perkhidmatan awam sentiasa berdepan dengan persekitaran yang dinamik dan tuntutan pelanggan yang semakin tinggi. Oleh itu penjawat awam perlu mengamalkan budaya pembelajaran secara berterusan agar dapat bertindak secara proaktif dan berkesan terhadap keperluan pelanggan. Di KKM, budaya pembelajaran berterusan ini menjadi tonggak di dalam usaha meningkatkan profesionalisme penjawat di dalam perkhidmatan kesihatan. Sehubungan itu, program CPD telah diperkenalkan melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan (SPKPK) **Bilangan 4 Tahun 2007 bertarikh 11 Julai 2007**. SPKPK ini memaklumkan pelaksanaan CPD bagi penjawat di dalam skim-skim bukan gunasama di bawah KPK, dan penubuhan jawatankuasa CPD peringkat negeri dan Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Kategori penjawat yang perlu mengumpul mata kredit CPD bagi urusan perkhidmatan dan PTK adalah seperti berikut :

- i. Pegawai Pengurusan dan Profesional yang dilantik tetap ke dalam Perkhidmatan Awam, termasuk penjawat yang sedang melanjutkan pengajian di peringkat sarjana/PhD.
- ii. Pegawai yang mengisi jawatan Kader di lain-lain kementerian/agensi
- iii. Skim Perkhidmatan Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Pengajar, Kejuruteraan dan Penyelidik.
- iv. Pegawai dalam kategori-kategori seperti di atas yang sedang cuti tanpa gaji/separuh gaji dan lain-lain cuti yang melibatkan tempoh yang panjang.

Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Kategori JUSA serta Pegawai Perubatan Latihan Siswazah tidak diwajibkan mengumpul mata kredit CPD. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai ini digalakkan mengumpul mata kredit CPD bagi tujuan pembangunan kerjaya.

Lembaga Penilaian Kompetensi Perkhidmatan Awam yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada 5 Oktober 2007 telah meluluskan penggunaan kaedah PTK-CPD bagi menggantikan kaedah PTK sedia ada untuk Kumpulan Perkhidmatan Bukan Gunasama di KKM. Sebagai permulaan, kaedah ini dilaksanakan bagi skim perkhidmatan **Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi.**

19.2 Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam dalam mesyuaratnya pada 23 April 2009 telah memutuskan bahawa tarikh lulus PTK bagi urusan kenaikan pangkat Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi Gred 41 hingga 54 adalah pada tarikh pegawai lulus Komponen Fungsional PTK (CPD).

Kelulusan di atas juga menetapkan bahawa pegawai perlu lulus Komponen Generik PTK di TK yang sama sebelum penjawat disahkan kenaikan pangkatnya.

Memandangkan dasar semasa mengenai pelaksanaan PTK-CPD menetapkan keputusan CPD pada dua (2) tahun sebelumnya boleh digunapakai untuk urusan kenaikan pangkat, maka dasar ini terpakai juga untuk melaksanakan keputusan di atas.

Contoh kes :

Dr. B sedang memangku Gred UD48. Beliau belum lagi lulus TK 3 (UD44). Urusan pengesahan kenaikan pangkat akan dilaksanakan pada bulan April, 2010. Dr. B boleh menggunakan keputusan CPD tahun yang berakhir pada 31 Disember 2009. Sekiranya Dr. B belum lagi lulus TK 3 Komponen Generik, maka beliau perlu mengambil PTK komponen berkenaan pada tahun 2010. Jika Dr. B lulus komponen Generik pada 2010, keputusan berkenaan boleh digabungkan dengan keputusan komponen Fungsional CPD 2009. Keputusan keseluruhan PTK Dr. B adalah pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, penetapan tarikh

pengesahan kenaikan pangkat ke UD48 beliau boleh dipertimbangkan berdasarkan keputusan CPD pada 31 Disember 2009.

19.3 KAEDAH PENILAIAN PTK-CPD

19.3.1 Kaedah penilaian PTK-CPD adalah meliputi perkara-perkara berikut;

i) Penilaian Komponen Fungsional

Buku Log CPD / *myCPD Online*

- a) Buku Log atau *myCPD Online* digunakan untuk merekodkan aktiviti CPD yang telah diikuti oleh penjawat dalam tahun semasa.
- b) Mata kredit CPD perlu dikumpul dari 1 Januari sehingga 31 Disember tahun semasa ; atau mengikut tempoh satu (1) tahun yang ditetapkan oleh skim perkhidmatan masing-masing.
- c) Tarikh gunapakai keputusan CPD adalah berdasarkan tarikh akhir pengumpulan mata kredit CPD seperti di para i (b) di atas.
- d) Dasar semasa mengenai pelaksanaan PTK-CPD menetapkan keputusan CPD pada dua (2) tahun sebelumnya boleh digunapakai untuk urusan kenaikan pangkat .
- e) Bagi skim perkhidmatan yang baru menggunakan kaedah CPD mulai tahun 2010, **kaedah penilaian PTK Khas** akan dilaksanakan jika terdapat urusan kenaikan pangkat sebelum tamat tempoh satu (1) tahun pengumpulan mata kredit CPD.
- f) Bagi skim perkhidmatan Pegawai Rekod Perubatan, pelaksanaan CPD Komponen Fungsional hanya akan bermula pada tahun 2011.

19.4 STRATEGI PELAKSANAAN

19.4.1 Perancangan Aktiviti CPD

PTJ perlu merancang sendiri aktiviti CPD setiap tahun. Perancangan ini perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa CPD di peringkat Negeri supaya JKN dapat menyediakan peruntukan. Senarai aktiviti CPD perlu diedarkan kepada semua penjawat pada awal tahun.

19.4.2 Pengiraan Mata Kredit CPD

Pengumpulan Mata Kredit CPD perlulah berdasarkan Garispanduan CPD yang dikeluarkan oleh Bahagian Perkembangan Perubatan dan Ketua Skim Perkhidmatan. Penetapan keputusan CPD mengikut aras berdasarkan kategori penjawat adalah seperti berikut:

JADUAL 8

**Penetapan Aras PTK mengikut Mata Kredit CPD untuk
Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi, Pegawai Pengajar,
Penolong Pegawai Perubatan, Jurutera, Jururawat dan Pegawai Sains Kesihatan
Bersekutu**

TAHAP PTK	ARAS DALAM PTK	MATA KREDIT CPD (KUMULATIF)
TK 1 TK 2	ARAS I	0 - 20
	ARAS II	21 - 39
	ARAS III	40 - 50
	ARAS IV	51 dan ke atas serta mendapat sekurang-kurangnya 10 mata kredit di Kategori A3, A4 atau A5 (atau kombinasi)
TK 3 TK 4 TK 5 TK 6	ARAS I	0 - 20
	ARAS II	21 - 39
	ARAS III	40 - 50
	ARAS IV	51 dan ke atas serta mendapat sekurang-kurangnya 10 mata kredit di Kategori A5, A6, A11 dan B1 atau B2 (atau kombinasi) *wajib mendapat 2 mata kredit dari B2 (skim Jururawat sahaja)

JADUAL 9

Penetapan Aras PTK mengikut Mata Kredit CPD untuk Kumpulan Sokongan (Diploma)

Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan dan Penolong Pegawai Penyelidik
(Gred U29, U32, U36, Q27, Q32, Q36, Q38 dan Q40)

TAHAP PTK	ARAS DALAM PTK	MATA KREDIT CPD (KUMULATIF)
TK 1 TK 2 TK 3	ARAS I	0 - 19
	ARAS II	20 - 29
	ARAS III	30 - 39
TK 4 TK 5 TK 6	ARAS IV	Penolong Pegawai Perubatan >40 Sekurang-kurangnya 10 mata kredit daripada aktiviti A3, A4 atau A5 (atau kombinasi)
		Jururawat >40 Sekurang-kurangnya 10 mata kredit daripada aktiviti A3, A4, A5 atau B2 (atau kombinasi)
		Penolong Pegawai Penyelidik >40 Sekurang-kurangnya 10 mata kredit daripada aktiviti A5, A6, A7, A10, B1 atau B2 (atau kombinasi)

JADUAL 10

**Penetapan Aras PTK mengikut Mata Kredit CPD untuk
Pegawai Penyelidik**

TAHAP PTK	ARAS DALAM PTK	MATA KREDIT CPD (KUMULATIF)
TK 1	ARAS I	0 - 20
	ARAS II	21 - 39
TK 3	ARAS III	40 - 50
TK 5 TK 6	ARAS IV	51 dan ke atas serta mendapat sekurang-kurangnya 20 mata kredit di Kategori A5, A6, A7, A10, B1 atau B2 (atau kombinasi)

JADUAL 11

**Penetapan Aras PTK mengikut Mata Kredit CPD untuk
Kumpulan Sokongan**

**Jururawat – Sijil
(Gred U11, U14, U19, U24 dan U26)**

TAHAP PTK	ARAS DALAM PTK	MATA KREDIT CPD (KUMULATIF)
TK 1	ARAS I	0 - 10
	ARAS II	11 - 19
TK 2	ARAS III	20 - 29
	ARAS IV	30 dan ke atas serta mendapat sekurang-kurangnya 10 mata kredit di Kategori A3, A4 atau B2 (atau kombinasi)

19.5 KAEDAH PEMARKAHAN CPD

- 19.5.1 Setiap penjawat yang telah mengikuti aktiviti CPD seperti yang dinyatakan dalam Buku Log hendaklah merekodkan aktiviti yang dihidirinya dalam Buku Log beserta dengan bukti bertulis (*documented proof*). Penyelia yang telah dilantik akan membuat pengesahan kepada aktiviti yang direkodkan di dalam Buku Log setiap tiga (3) bulan sekali.
- 19.5.2 Penjawat dikehendaki mengemukakan Buku Log yang telah dinilai kepada Ketua Jabatan masing-masing untuk perakuan.
- 19.5.3 Ketua Jabatan akan menyediakan analisis mata kredit yang diterima dengan menggunakan Borang Ringkasan CPD-01. Borang tersebut akan dikemukakan kepada Jawatankuasa PTK-CPD di peringkat negeri atau Ibu pejabat KKM.
- 19.5.4 Ringkasan mata kredit buku log CPD yang telah disahkan oleh Jawatankuasa PTK-CPD peringkat negeri dan ibu pejabat KKM hendaklah dikemukakan kepada BPK, KKM untuk penggabungan mata kredit keseluruhan PTK calon. Carta Alir Pemarkahan PTK-CPD adalah seperti di **Lampiran 2**.

19.6 PENETAPAN ARAS PTK

- 19.6.1 Keputusan keseluruhan PTK masih berasaskan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 iaitu gabungan terbaik Komponen Fungsional dan Komponen Generik.
- 19.6.2 Penggabungan Mata Kredit CPD dan keputusan Komponen Generik akan diuruskan oleh BPK, KKM. Bahagian ini akan membuat analisis dan perakuan pencapaian calon kepada Panel Penilaian Peperiksaan PTK dan Jawatankuasa Kursus PTK sebelum diangkat untuk disahkan oleh LPKKKM bagi penentuan aras PTK.
- 19.6.3 Penjawat boleh menyimpan keputusan Komponen Generik selagi berada di Gred jawatan yang sama.

19.7 PENGUMUMAN KEPUTUSAN PTK-CPD

- 19.7.1 Keputusan Komponen Generik penjawat boleh diperolehi melalui portal BPK (<http://kompetensi.moh.gov.my>) Keputusan ini boleh dimuat turun sebagai keputusan sebahagian sahaja dalam keputusan Komponen Generik.
- 19.7.2 Keputusan keseluruhan rasmi hanya akan dikeluarkan apabila kedua-dua keputusan Komponen Generik dan Fungsional (cukup tempoh satu tahun) lengkap.
- 19.7.3 Keputusan rasmi keseluruhan hanya dikeluarkan sekali sahaja melalui Portal BPK(<http://kompetensi.moh.gov.my>). Pada masa yang sama keputusan bagi CPD akan dipaparkan juga sebagai satu keputusan yang berasingan.

Contoh Kes:

Penjawat A telah menghadiri Komponen Generik di Pusat Penilaian pada bulan Mac 2008 dan keputusannya telah dibawa ke LPKMM untuk pengesahan pada bulan Julai 2008. Keputusan Komponen Generik boleh diumumkan kepada beliau setelah disahkan oleh LPK walaupun beliau belum mengumpul mata kredit CPD (Komponen Fungsional) yang mencukupi pada tahun itu. Walau bagaimanapun, keputusan keseluruhan hanya akan dikeluarkan setelah Komponen Fungsional (CP) telah cukup dikumpul untuk tahun tersebut.

19.8 KELEWATAN/TARIKH AKHIR PENGHANTARAN MARKAH CPD

- 19.8.1 Bagi kes-kes kelewatan menghantar markah CPD selepas keputusan PTK-CPD dikeluarkan, hanya boleh dipertimbangkan sehingga 31 Jun tahun keputusan dikeluarkan.
- 19.8.2 Calon perlu mengemukakan sebab-sebab kelewatan ke BPK.
- 19.8.3 Calon-calon perlu mendapatkan kelulusan dari Jabatan/JKN masing-masing sebelum markah tersebut boleh dihantar ke BPK.

19.8.4 Penyerahan markah CPD yang tidak melalui prosedur ini tidak akan dipertimbangkan.

20. GABUNGAN KEPUTUSAN TERBAIK

20.1 Memperbaiki aras untuk Komponen Fungsional

- i. Calon yang telah mendapat Aras IV bagi Komponen Generik, dan cuba memperbaiki Komponen Fungsional untuk mendapatkan Aras IV menggunakan kaedah CPD perlu membuat permohonan ke BPK untuk membuat gabungan keputusan, tidak lewat dari 3 bulan selepas keputusan CPD dikeluarkan. Calon hanya dibenarkan **dua (2)** kali sahaja untuk membuat permohonan gabungan.
- ii Bagi Skim Pembantu Tadbir (P/O) dan Pembantu Tadbir (Kew), yang telah lulus PTK di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebelum tahun 2010, boleh menggabungkan keputusan mana-mana komponen PTK yang diduduki di bawah JPA, dengan keputusan mana-mana komponen PTK yang diduduki dibawah KKM.

21. PENUMPANGAN MENDUDUKI PTK

21.1 Penumpangan menduduki PTK boleh dilaksanakan dengan syarat:

- i) LPKKKM tidak melaksanakan PTK bagi skim perkhidmatan tersebut.
- ii) Penumpangan dipersetujui oleh kedua-dua LPK yang menumpang dan menerima penjawat sebagai calon penumpangan. Calon perlu memohon untuk penumpangan PTK melalui SUB, BPK.
- iii) Sukatan penilaian yang ditumpang hendaklah mempunyai persamaan atau tidak jauh berbeza dengan skim perkhidmatan asal penjawat.
- iv) Penumpangan dibuat sama ada keseluruhan atau salah satu komponen PTK.

- v) Keputusan keseluruhan PTK hendaklah diselaras dan disahkan oleh LPKKKM.

22. SEMAKAN DAN RAYUAN KEPUTUSAN PTK

22.1 KOMPONEN FUNGSIONAL (CPD)

22.1.1 Semakan mata kredit boleh dikemukakan kepada Jawatankuasa CPD Peringkat Ibu Pejabat, KKM / Jawatankuasa CPD Peringkat Negeri untuk pertimbangan.

22.1.2 Penjawat boleh mengemukakan rayuan penyemakan semula Keputusan PTK-CPD melalui PTJ dan JKN masing-masing kepada BPK, KKM. Rayuan tersebut akan dikemukakan kepada LPKKKM untuk pertimbangan. Keputusan rayuan oleh LPK adalah muktamad.

22.2 RAYUAN KOMPONEN FUNGSIONAL DAN KOMPONEN GENERIK (BUKAN CPD)

22.2.1 Semakan dan rayuan adalah ke atas **kesilapan teknikal sahaja** (seperti pengiraan atau penjumlahan markah atau gabungan keputusan) boleh dibuat ke SUB, BPK dalam tempoh dua (2) bulan selepas tarikh keputusan dikeluarkan.

22.2.2 Rayuan untuk pemeriksaan skrip jawapan adalah tidak dipertimbangkan.

22.2.3 Jika keputusan semakan didapati lebih rendah berbanding keputusan asal, maka keputusan semakan semula adalah **MUKTAMAD**.

23. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung PTK boleh diajukan kepada :

Setiausaha Bahagian

Bahagian Pembangunan Kompetensi

Kementerian Kesihatan Malaysia

Blok A, Jalan Cenderasari

50590 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2262 8400

Fax : 03-2697 1002

E-Mel : bpk@moh.gov.my

Portal : <http://kompetensi.moh.gov.my>

**DASAR PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**


Bil	Dasar / Keputusan	Tarikh Mesyuarat	Penjelasan
1.	<p>Penetapan Tarikh Lulus PTK Bagi Tujuan Kenaikan Pangkat Pegawai Perubatan/Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi Gred 41 hingga 54</p> <p>Keputusan : Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA) Bil 4/2009 dan Bil7/2009.</p>	<p>23 April 2009</p> <p style="text-align: center;">Dan</p> <p>29 Julai 2009</p>	<p>-Tarikh lulus PTK bagi tujuan kenaikan pangkat Pegawai Perubatan/Pergigian/Farmasi Gred 41 hingga 54 adalah berdasarkan tarikh pegawai lulus Kompetensi Fungsional (CPD), walaupun pegawai lulus Kompetensi Generik lebih lewat daripada Kompetensi Fungsional</p>
2.	<p>Penetapan tempoh dua (2) bulan bagi kes-kes rayuan keputusan PTK Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan</p> <p>Keputusan : Lembaga Penilaian Kompetensi Kementerian Kesihatan Malaysia (LPKKKM) Bil 4/2007</p>	<p>12 Julai 2007</p>	<p>Rayuan keputusan hanya bagi semakan dari segi kesilapan teknikal sahaja dan bukan pemeriksaan semula skrip jawapan.</p>

Bil	Dasar / Keputusan	Tarikh Mesyuarat	Penjelasan
3.	<p>Keputusan PTK bagi penjawat yang telah bersara.</p> <p>Keputusan : Lembaga Penilaian Kompetensi Kementerian Kesihatan Malaysia (LPKKKM) Bil 4/2006</p>	19 Jun 2006	<p>Calon yang telah menduduki PTK/ Mengulang mana-mana komponen PTK sebelum bersara wajib, elemen penting yang akan dipertimbangkan untuk anjakan gaji mereka adalah tarikh penjawat menduduki PTK tersebut iaitu perlu semasa penjawat masih di dalam perkhidmatan.</p>
4.	<p>Pengendalian Peperiksaan PTK sebanyak dua (2) kali setahun</p> <p>Keputusan : LPKKKM Bil 6/2006</p>	16 Oktober 2006	<p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa pelaksanaan peperiksaan PTK sebanyak 2 kali setahun adalah berdasarkan syarat-syarat berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Calon boleh memilih untuk menduduki salah satu peperiksaan tersebut pada tahun yang sama. ii. Calon yang mengulang boleh menduduki peperiksaan pada tahun yang sama hanya jika keputusan calon pada peperiksaan pertama tahun tersebut adalah Aras I atau Aras II. iii. Calon yang telah lulus atau melepasi tahap kecekapan pada Aras III, tetapi bercadang untuk

			memperbaiki keputusan ke Aras IV, hanya dibenarkan untuk menduduki peperiksaan ulangan pada tahun berikutnya.
5.	<p>PTK bagi Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan Pembantu Tadbir (Kewangan).</p> <p>Keputusan : Mesyuarat KSU bersama Wakil-wakil Kesatuan pada Disember 2008.</p>	1 Januari 2009	<p>BPK, KKM telah melaksanakan semula PTK bagi skim-skim perkhidmatan tersebut yang sebelum ini ditumpangkan di bawah LPK Perkhidmatan Gunasama (JPA). Sehubungan itu, mulai tahun 2010 calon-calon dari skim perkhidmatan yang berkenaan tidak dibenarkan menduduki PTK di bawah LPK yang lain.</p>

LAMPIRAN 2

CARTA ALIR TATACARA PENGUMPULAN MATA KREDIT CPD (KOMPONEN FUNGSIONAL) UNTUK TUJUAN PTK BAGI PEGAWAI PERUBATAN, PEGAWAI PERGIGIAN DAN PEGAWAI FARMASI



CARA PENGIRAAN DAN PENETAPAN ARAS CPD

Penetapan Aras untuk komponen Fungsional (CPD) adalah seperti berikut;

Penetapan Aras

PTK	ARAS PTK	CPD CP (KUMULATIF)
TK1 HINGGA TK6	ARAS I	20 DAN KE BAWAH
	ARAS II	21 – 39
	ARAS III	40 – 50
	ARAS IV	51 DAN KE ATAS

Aras untuk komponen Fungsional dikira berdasarkan kategori yang telah ditetapkan seperti berikut :

CPD Credit Point System

CPD CATEGORY	MAX POINTS FOR ANNUAL CONSIDERATION
A1	20
A2	20
A3	30
A4	20
A5	20
A6	30
A7	20
A8	20
A9	30
A10	50
A11	20
B1	10
B2	10

TK1 DAN TK2 (GRED 41)

10 mata kredit mestilah diperolehi dari kategori A3, A4, A5 atau kombinasi berkenaan.

TK3 – TK6 (GRED 44 – GRED 54)

10 mata kredit mesti diperolehi dari kategori A5, A6, A1, B1 atau B2 atau kombinasi berkenaan.

CONTOH PERKIRAAN MATA KREDIT CPD:

Contoh 1:

Jumlah CPD Point	CPD Point Untuk PTK (point for annual consideration)	CPD Point (Kategori Terpilih)	Aras PTK (CPD)
120	100	10	ARAS IV

Sekiranya jumlah CPD Point penjawat ialah 120, jumlah CPD Point untuk PTK mestilah sama atau kurang dari jumlah CPD Point manakala jumlah CPD Point (Kategori Terpilih) mestilah 10 atau lebih yang melayakan penjawat mendapat ARAS IV.

Contoh 2:

Jumlah CPD Point	CPD Point Untuk PTK (point for annual consideration)	CPD Point (Kategori Terpilih)	Aras PTK (CPD)
120	100	9	ARAS III

Sekiranya jumlah CPD Point penjawat ialah 120, jumlah CPD point untuk PTK ialah sama atau kurang dari jumlah CPD Point manakala jumlah CPD Point (Kategori terpilih) kurang dari 10 maka penjawat hanya layak mendapat Aras III sahaja.

Contoh 3:

Jumlah CPD Point	CPD Point Untuk PTK (point for annual consideration)	CPD Point (Kategori Terpilih)	Aras PTK (CPD)
120	45	10	ARAS III

Sekiranya jumlah CPD Point penjawat ialah 120, jumlah CPD Point untuk PTK ialah antara 40 – 50 manakala jumlah CPD Point (Kategori Terpilih) lebih dari 10 maka penjawat hanya layak mendapat Aras III sahaja.

Contoh 4;

Jumlah CPD Point	CPD Point Untuk PTK (point for annual consideration)	CPD Point (Kategori Terpilih)	Aras PTK (CPD)
120	45	9	ARAS III

Sekiranya jumlah CPD Point penjawat ialah 120, jumlah CPD point untuk PTK ialah antara 40 - 50 manakala jumlah CPD point (Kategori Terpilih) kurang dari 10 maka penjawat hanya layak mendapat Aras III sahaja.

Contoh 5

Jumlah CPD Point	CPD Point Untuk PTK (point for annual consideration)	CPD Point (Kategori Terpilih)	Aras PTK (CPD)
120	25	10	ARAS II

Sekiranya jumlah CPD Point penjawat ialah 120, jumlah CPD point untuk PTK ialah antara 21 - 39 manakala jumlah CPD Point (Kategori Terpilih) lebih dari 10 maka penjawat hanya layak mendapat Aras II sahaja.

Contoh 6

Jumlah CPD Point	CPD Point Untuk PTK (point for annual consideration)	CPD Point (Kategori Terpilih)	Aras PTK (CPD)
120	25	9	ARAS II

Sekiranya jumlah CPD Point penjawat ialah 120, jumlah CPD Point untuk PTK ialah antara 21 – 39 manakala jumlah CPD Point (Kategori Terpilih) kurang dari 10 maka penjawat hanya layak mendapat Aras II sahaja.

Contoh 7

Jumlah CPD Point	CPD Point Untuk PTK (point for annual consideration)	CPD Point (Kategori Terpilih)	Aras PTK (CPD)
120	20	10	ARAS I

Sekiranya jumlah CPD Point penjawat ialah 120, jumlah CPD point untuk PTK ialah 20 dan ke bawah manakala jumlah CPD Point (Kategori Terpilih) lebih dari 10 maka penjawat hanya layak mendapat Aras I sahaja.

Contoh 8

Jumlah CPD Point	CPD Point Untuk PTK (point for annual consideration)	CPD Point (Kategori Terpilih)	Aras PTK (CPD)
120	20	9	ARAS I

Sekiranya jumlah CPD point penjawat ialah 120, jumlah CPD Point untuk PTK ialah 20 dan ke bawah manakala jumlah CPD point (Kategori Terpilih) kurang dari 10 maka penjawat hanya layak mendapat Aras I sahaja.

CARA PERKIRAAN CPD POINT (KATEGORI TERPILIH)

TK1 DAN TK2 (GRED 41)

10 mata kredit mesti diperolehi dari kategori A3, A4, A5 atau kombinasi berkenaan bagi membolehkan penjawat mendapat ARAS IV. (dibaca bersekali dengan CPD point for Annual Consideration)

Contoh 1

KATEGORI CPD	CPD POINTS FOR ANNUAL CONSIDERATION	JUMLAH CPD POINTS	CPD POINTS (KATEGORI TERPILIH)
A1	20	35	20
A2	20	12	12
A3	30	100	30
A4	20	20	20
A5	20	40	20
A6	30	70	30
A7	20	15	15
A8	20	15	15
A9	30	30	30
B1	10	9	9
B2	10	2	2
JUMLAH	300	348	70

Point kredit untuk kategori terpilih ialah 70.

Contoh 2:

KATEGORI CPD	CPD POINTS FOR ANNUAL CONSIDERATION	JUMLAH CPD POINTS	CPD POINTS KATEGORI TERPILIH
A1	20	35	20
A2	20	12	12
A3	30	1	1
A4	20	2	2
A5	20	4	4
A6	30	70	30
A7	20	15	15
A8	20	15	15
A9	30	30	30
A10	50	50	50
A11	20	20	20
B1	10	9	9
B2	10	2	2
JUMLAH	300	458	7

Point kredit untuk kategori terpilih ialah 7 sahaja.

CATATAN:

- Sekiranya penjawat memperolehi markah CPD **melebihi 51 dan ke atas** serta mendapat markah kategori terpilih lebih dari 10, penjawat adalah layak mendapat ARAS IV.
- Sekiranya penjawat memperolehi markah CPD **kurang dari 51** dan markah kategori terpilih lebih dari 10, penjawat hanya layak mendapat ARAS III dan ke bawah.
- Sekiranya penjawat memperolehi markah CPD **melebihi 51 dan ke atas** serta mendapat markah kategori terpilih kurang dari 10, penjawat hanya layak mendapat ARAS III sahaja.

TK3 – TK6 (GRED 44 – GRED 54)

10 mata kredit mesti diperolehi dari kategori A5, A6, A11, B1 atau B2 atau kombinasi berkenaan. (Dibaca bersekali dengan CPD point for Annual Consideration)

Contoh 1:

KATEGORI CPD	CPD POINTS FOR ANNUAL CONSIDERATION	JUMLAH CPD POINTS	CPD POINTS (KATEGORI TERPILIH)
A1	20	35	20
A2	20	12	12
A3	30	1	1
A4	20	2	2
A5	20	4	4
A6	30	70	30
A7	20	15	15
A8	20	15	15
A9	30	30	30
A10	50	90	50
A11	20	20	20
B1	10	9	9
B2	10	2	2
JUMLAH	300	458	63

Point kredit untuk kategori terpilih ialah 63.

Contoh 2:

KATEGORI CPD	CPD POINTS FOR ANNUAL CONSIDERATION	JUMLAH CPD POINTS	CPD POINTS (KATEGORI TERPILIH)
A1	20	35	20
A2	20	12	12
A3	30	10	10
A4	20	1	1
A5	20	0	4
A6	30	2	2
A7	20	15	15
A8	20	15	15
A9	30	30	30
A10	50	90	50
A11	20	5	5
B1	10	0	0
B2	10	0	0
JUMLAH	300	215	8

Point Kredit untuk kategori terpilih ialah 8 sahaja.

CATATAN:

- Sekiranya penjawat memperolehi markah CPD **melebihi 51 dan ke atas** serta mendapat markah kategori terpilih lebih dari 10, penjawat adalah layak mendapat ARAS IV.
- Sekiranya penjawat memperolehi markah CPD **kurang dari 51** dan markah kategori terpilih lebih dari 10, penjawat hanya layak mendapat Aras III dan ke bawah.
- Sekiranya penjawat memperolehi markah CPD **melebihi 51 dan ke atas** serta mendapat markah kategori terpilih kurang dari 10, penjawat hanya layak mendapat ARAS III sahaja.

GARIS PANDUAN UMUM
CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT
(CPD)
YANG DISEDIAKAN OLEH
BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN, KKM

GARIS PANDUAN UMUM CPD

1. Pengenalan

Continuing Professional Development (CPD) merupakan satu program yang menyumbangkan kepada pertambahan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang mana boleh meningkatkan profesionalisme pegawai di dalam bidang masing-masing. Pendekatan ini amat penting kerana bidang perubatan sentiasa berkembang dengan hasil penyelidikan dan penemuan terkini yang memaksa para profesional kesihatan sentiasa mempertingkatkan ilmu selari dengan kemajuan yang dicapai supaya dapat memberikan rawatan perubatan yang terbaik dan terkini kepada masyarakat.

Perlaksanaan Program CPD telah dilaksanakan berikutan dari Pekeliling KPK Bil. 4/2007 pada Julai 2007. Seterusnya pada November 2007 Pihak JPA telah bersetuju untuk menggunakan jumlah CP yang terkumpul dari aktiviti CPD untuk digunakan sebagai penilaian **Komponen Fungsional** dalam Penilaian Tahap Kecekapan bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian Dan Pegawai Farmasi. Pelaksanaan Kaedah CPD-PTK bagi tiga skim yang terlibat telah pun dimulakan pada tahun 2008.

Continuing Professional Development (CPD) boleh dikaitkan dan menjadi komponen Penilaian Tahap Kecekapan kerana ianya melibatkan pembangunan kompetensi professional, penjagaan kesihatan yang berkualiti yang boleh dinilai dengan hasil penjagaan pesakit.

Untuk memastikan program CPD ini berjaya, pemantauan terhadap aktiviti yang dijalankan adalah penting. Sehubungan dengan itu Kementerian telah membangunkan sistem pemantauan CPD secara *online* yang dikenali sebagai *myCPD*. Pada masa ini sistem *myCPD* telah siap sepenuhnya dan dapat berfungsi dengan baik.

Berikutan kejayaan Program CPD dalam kalangan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi maka aktiviti CPD ini akan diperluaskan kepada skim-skim perkhidmatan yang lain iaitu Ahli Sains Kesihatan Bersekutu (ASKB), Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Jurutera, Pegawai Penyelidik dan Pengajar mulai tahun 2010.

2. Objektif

Membantu mewujudkan pegawai yang lebih cekap dan cemerlang dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

3. Matlamat Program CPD

Mata Kredit yang dikumpul akan digunakan bagi dua (2) tujuan iaitu;


- a. Penilaian PTK.
Menerusi jumlah mata kredit yang terkumpul daripada Program CPD akan digunakan sebagai permarkahan Komponen Khusus, PTK.
- b. *Annual Practicing Certificate* (APC) untuk Pegawai Perubatan dan pegawai-pegawai lain pada masa akan datang; dan
- c. Lain-lain tujuan berkaitan.

4. Tadbir Urus CPD Dan Terma Rujukan Setiap Jawatankuasa

4.1 Terdapat 5 jawatankuasa CPD yang telah ditubuhkan iaitu :

- a. Jawatankuasa CPD Peringkat Kebangsaan
- b. Jawatankuasa CPD Peringkat *Sub Committee*
- c. Jawatankuasa CPD Peringkat Negeri
- d. Jawatankuasa CPD Peringkat Ibu Pejabat
- e. Jawatankuasa CPD Peringkat PTJ

STRUKTUR ORGANISASI PENGURUSAN CPD



4.2 Jawatankuasa CPD Peringkat Kebangsaan

Pengerusi	: Ketua Pengarah Kesihatan
Ahli	: TKPK (Perubatan, Kesihatan Awam, Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
	Pengarah Kanan (Pergigian, Farmasi)
	Bahagian Pembangunan Kompetensi
	Bahagian Telekesihatan
	Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
	Bahagian Kejururawatan, Lembaga Pembantu Perubatan
	MMA, AM, APHM, MDA, MMC, MPS, Universiti
	Pegawai-pegawai yang dilantik
Urusetia	: Bahagian Perkembangan Perubatan

Terma Rujukan :

1. Merangka polisi, strategi dan garis panduan berkaitan CPD
2. Memantau pelaksanaan CPD dan membuat rekomendasi untuk penambahbaikan
3. Memantau pelaksanaan dan memastikan kualiti aktiviti CPD
4. Menetapkan kriteria untuk pentauliahan CPD *provider*
5. Menetapkan kategori dan mata kredit aktiviti CPD
6. Membincang dan mempertimbangkan rayuan berkaitan mata kredit CPD.

4.3 Jawatankuasa CPD Program KKM/ Institusi / HKL

Jawatankuasa CPD Peringkat Program KKM, Institusi dan HKL akan dipengerusikan oleh Pengarah masing-masing.

- Pengerusi : Pengarah / Ketua Program
- Ahli : Pengarah/Timbangan Pengarah Bahagian
Pegawai Kanan / Pakar (3-5 orang)
Dan lain-lain pegawai berkaitan
- Urusetia : Ketua Unit Pengurusan
- Penyelaras : Pegawai yang dilantik

Jawatankuasa CPD di Peringkat Program KKM, Institusi dan HKL hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya setiap 6 bulan.

Terma Rujukan :

1. Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan semua pegawai tentang CPD dan myCPD
2. Mengenalpasti dan merancang aktiviti CPD yang perlu dijalankan
3. Memastikan semua pegawai mendaftar dengan myCPD
4. Menyediakan takwim aktiviti CPD untuk diperakukan oleh Ketua Program
5. Menentukan peranan Ketua Jabatan / Bahagian/Unit dalam pelaksanaan Program CPD.
6. Memantau pencapaian individu menggunakan *database*
7. Menyemak dan menentukan CP yang layak diberikan
8. Membincangkan masalah pelaksanaan CPD dan tindakan penambahbaikan
9. Menjalankan audit verifikasi dan membincangkan penemuan audit.
10. Menganalisa, menyediakan dan menghantar laporan pencapaian tahunan CPD- 01 kepada BPK dan BPP

4.4 Jawatankuasa CPD Peringkat Negeri

Pengerusi : Pengarah Kesihatan Negeri

Ahli : *TPKN (Perubatan, Kesihatan Awam, Pergigian dan Farmasi)

Pegawai Perubatan Pakar (3-5 orang)

Dan lain-lain pegawai berkaitan.(Wakil dari skim yang terlibat)

Urusetia : Unit Sumber Manusia/Latihan

*TPKN untuk setiap program akan bertindak sebagai **penyelaras** program masing-masing.

Jawatankuasa CPD Peringkat Negeri hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya setiap 6 bulan.

Terma Rujukan :

1. Merancang dan menyelaras pengendalian aktiviti latihan di peringkat negeri dan memperakukan aktiviti CPD yang dirancang oleh setiap PTJ.
2. Memantau pencapaian program CPD dan membuat analisis keputusan CP PTK-CPD
3. Membincangkan masalah/isu pelaksanaan CPD dan tindakan penambahbaikan
4. Memantau dan membincangkan penemuan audit verifikasi.
5. Memperakukan pencapaian CP tahunan oleh setiap program.
6. Mengemukakan laporan CPD-01 kepada BPK dan salinan kepada BPP.

Peranan Urusetia (Unit Sumber Manusia) :

1. Mengurus mesyuarat peringkat negeri secara berkala tidak kurang dari 2 kali setahun.
2. Mengumpul dan menyimpan Laporan Pencapaian CPD (format CPD-01) mengikut kategori dari setiap program
3. Menyediakan Laporan Pencapaian CPD-01 tahunan dan menghantar ke BPK dan sesalinan ke BPP.

Penyelaras CPD Peringkat Negeri

TPKN untuk setiap program (Perubatan, Kesihatan Awam, Farmasi dan Pergigian) adalah penyelaras program CPD di peringkat negeri.

Tanggungjawab Penyelaras di peringkat negeri :

1. Merancang dan menyelaraskan takwim aktiviti CPD
2. Memantau pelaksanaan aktiviti CPD
3. Memantau status pendaftaran pegawai di *myCPD online*
4. Menyelaras pengumpulan serta pengurusan data CPD setiap 6 bulan dari setiap PTJ
5. Membentangkan pencapaian CPD pegawai yang dikemukakan oleh PTJ peringkat negeri
6. Menghantar laporan pencapaian CPD kepada Ketua Program masing-masing di KKM selepas diperakukan oleh Jawatankuasa CPD peringkat Negeri
7. Memantau audit verifikasi bagi program masing-masing di peringkat negeri.

4.5 Jawatankuasa CPD Peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Definisi : PTJ merangkumi Pejabat-Pejabat TPKN, Hospital-hospital, PKD, Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah

Pengerusi : Ketua PTJ

Ahli : Timbalan Ketua PTJ

Peg. Pakar / Peg. Kanan (2-3 orang)

Lain-lain pegawai yang bersesuaian (Wakil dari skim yang terlibat)

Urusetia : Timbalan Pengarah (Pengurusan) / EO / CC

Penyelaras : Pegawai yang dilantik

Terma Rujukan :

1. Meningkatkan kesedaran dan pengetahuan semua anggota tentang CPD dan *myCPD*
2. Memastikan semua pegawai mendaftar dengan *myCPD*
3. Menyediakan takwim aktiviti CPD untuk diperakukan oleh Jawatankuasa CPD peringkat Negeri
4. Memantau pencapaian mata kredit anggota
5. Menganalisa dan mengesahkan Laporan Pencapaian Tahunan CPD untuk tindakan Jawatankuasa peringkat Negeri
6. Membincangkan masalah pelaksanaan CPD dan tindakan penambahbaikan
7. Menjalankan dan membincangkan penemuan audit verifikasi

Jawatankuasa CPD Peringkat PTJ hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya setiap 6 bulan.

Peranan Urusetia :

1. Mengumpul dan menyimpan semua CPD-LB penjawat yang terlibat selepas disahkan oleh Ketua Jabatan.
2. Mengumpul pencapaian mata kredit mengikut format CPD-01 untuk dibincangkan dalam mesyuarat CPD peringkat PTJ.
3. Mengemukakan laporan CPD-01 kepada Jawatankuasa CPD Negeri setelah disahkan.
4. Menjalankan dan menyediakan laporan audit verifikasi.

Setiap PTJ akan melantik seorang pegawai sebagai **Penyelaras CPD** di Peringkat PTJ.

Peranan Penyelaras :

1. Memantau status pendaftaran pegawai di *myCPD online*.
2. Menyelaras dan menyediakan takwim aktiviti CPD.
3. Memantau pelaksanaan aktiviti CPD di peringkat PTJ.
4. Memantau dan menyemak pencapaian Mata Kredit CPD dan membentangkan untuk pengesahan Jawatankuasa CPD di peringkat PTJ.
5. Menghantar laporan pencapaian CPD termasuk isu / masalah kepada Penyelaras peringkat Negeri
6. Menjalankan dan membincangkan penemuan audit verifikasi

Tugas dan tanggungjawab Ketua Jabatan / Unit

1. Memastikan semua pegawai telah mendaftar *myCPD online* dan menggunakan *e-log book*
2. Merancang dan menyediakan aktiviti CPD serta menentukan kategori dan mata kredit untuk kelulusan Jawatankuasa CPD peringkat PTJ
3. Menghebahkan aktiviti CPD kepada anggota di bawah jagaan
4. Melantik Penyelia bagi mengesahkan penglibatan anggota dalam aktiviti CPD
5. Memastikan peluang diberi untuk setiap anggota bagi menyertai aktiviti CPD
6. Menyediakan analisis jumlah mata kredit yang diterima dengan menggunakan Borang Ringkasan CPD-01 dan kemukakan kepada pengerusi Jawatankuasa CPD di peringkat PTJ.

Tanggungjawab Penyelia Jabatan :

Penyelia merupakan pegawai penilai pertama kepada pegawai. Penyelia perlu memastikan perkara-perkara berikut:

1. Mengesahkan penglibatan pegawai dalam aktiviti CPD.
2. Memastikan pegawai mencapai sekurang-kurangnya Aras III (CPD 01).
3. Menyemak mata kredit terkini anggota bagi setiap (3) bulan

Tanggungjawab setiap pegawai :

1. Mendaftar di *myCPD online* dan mengemaskini *e-log book*
2. Memasukkan nama penyelia dalam profil pegawai
3. Merujuk takwim aktiviti CPD
4. Menyerahkan *e-log book* berserta bukti penyertaan aktiviti CPD kepada penyelia untuk pengesahan sekurang-kurangnya setiap 3 bulan.
5. Menyimpan bukti penyertaan aktiviti CPD seperti surat, memo, sijil, surat penghargaan dan sebagainya sekurang-kurangnya 2 tahun
6. Mengambil tahu mengenai sistem pemarkahan, kedudukan semasa mata kredit dan berusaha menambah mata kredit untuk mencapai sekurang-kurangnya Aras III.
7. Mengemukakan Borang CPD-LB kepada penyelia berserta alasan (jika kurang dari Aras III) pada hujung tahun.

5. Sistem *myCPD*

5.1 Sistem *myCPD online* telah dibangunkan oleh Bahagian Telekesihatan. Laman web ini boleh dicapai melalui :

- i. MOH.net
- ii. Internet

MOH Portal – www.moh.gov.my

Online services- www.mycpd.moh.gov.my

5.2 Sistem ini dibangunkan untuk tujuan :

1. Membolehkan kakitangan KKM merekodkan aktiviti CPD ke dalam '*electronic log book*'.
2. Membolehkan penyelia yang dilantik membuat pemantauan secara *online*.
3. Membolehkan Bahagian Pembangunan Kompetensi mendapatkan maklumat dan laporan yang diperlukan bagi tujuan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK).
4. Penyediaan laporan yang cepat.

5.3 Sistem ini boleh diguna pakai sebagai / oleh :

1. Pegawai
2. Penyelia
3. Penganjur Aktiviti CPD
4. Sekretariat CPD
5. Bahagian Pembangunan Kompetensi
6. Badan-Badan Profesional
7. Pentadbir Sistem, Pengurusan Rangkaian, Pengurusan Pangkalan Data.

5.4 Fungsi *myCPD* ini adalah untuk :

1. Pendaftaran
2. Merekodkan Aktiviti CPD
3. Pemantauan oleh Penyelia
4. Penganjur Aktiviti CPD (*CPD Provider*)
5. Takwim Aktiviti CPD
6. Laporan Pencapaian CPD (PTK, APC dll)
7. Pentadbir Sistem (*System Administration*)
8. Admin Utama
9. Admin Aplikasi (*Application Administration*)

5.5 Setiap PTJ perlu melantik Admin Utama untuk menyelaras sistem *myCPD* di tempat masing-masing. Di antara tugas Admin Utama adalah :

1. Membantu menyelenggara pengguna sistem dengan melantik pengguna mentadbir sistem, mengaktifkan semula katalaluan dan mengaktif/menyenaraihitamkan pengguna.
2. Membuat pendaftaran pengguna secara 'Bulk Registration'.
3. Memasukkan mata kredit secara 'Bulk Point Claim' bagi pihak pengguna sistem.
4. Menyediakan laporan CPD bagi PTJ masing-masing.

*Latihan untuk Admin Utama yang dilantik akan diberikan latihan oleh Urusetia CPD Peringkat Kebangsaan.

5.6 Manual tatacara penggunaan sistem *myCPD* boleh dicapai dan dimuat turun dari laman web mycpd.moh.gov.my (web CPD).

6. Penganjur Aktiviti CPD (CPD Provider)

Pemilihan dan pengakreditasi CPD *Provider* adalah penting dalam usaha untuk memastikan pelaksanaan program CPD dapat mencapai matlamatnya dalam memperkasakan perkhidmatan perubatan yang terbaik diberikan kepada masyarakat. Proses akreditasi *provider* ini penting bagi memastikan aktiviti CPD yang disediakan dapat dipantau terutamanya dari segi kualiti dan pengurusan program.

6.1 Jawatankuasa Akreditasi Provider.

Jawatankuasa Akreditasi Provider ini akan ditubuhkan di peringkat kebangsaan / negeri / institusi. Jawatankuasa ini akan memantau aktiviti CPD yang dijalankan oleh pihak CPD *Provider* dan seterusnya mengakreditasi CPD *Provider* yang memenuhi kriteria yang ditetapkan.

6.2 Proses Untuk Menjadi CPD Provider.

Pada peringkat awal semua *provider* seperti di bawah (Para 6.3) didaftarkan sebagai CPD *provider*. Manakala CPD *provider* yang lain perlu membuat permohonan untuk di akreditkan sebagai CPD *provider*. Pemohonan perlu disalurkan kepada urusetia CPD peringkat nasional. Pemohonan akan disalurkan kepada CPD Professional Sub-committee yang berkenaan untuk *endorsement*.

Bagi peringkat negeri dan institusi permohonan boleh disalurkan kepada jawatankuasa CPD peringkat Negeri dan Institusi. Carta Alir Proses Permohonan Dan Pengesahan Akreditasi *Provider* adalah seperti di Lampiran 1

6.3 Provider Yang Boleh Di Akredit

- i. Institusi-institusi latihan. (contoh; universiti, institut kesihatan, NIOSH, dll.)
- ii. Badan-badan dan persatuan-persatuan professional
- iii. *Healthcare organization* – kerajaan atau swasta.
- iv. Badan-badan NGO yang terlibat dalam aktiviti kesihatan.

6.2 Kriteria Untuk Akreditasi Provider

- i. Mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang yang berkaitan. Mempunyai orang yang berkelayakan dari segi akademi dalam profesyen sebagai pelatih/ penceramah/ pengendali aktiviti CPD untuk profesion berkenaan dan maklumat tersebut mampu dibekalkan apabila diminta.
- ii. Mempunyai sumber (kepakaran dan kemudahan) untuk menjalankan aktiviti-aktiviti CPD.
- iii. Setiap pembekal CPD bertanggungjawab dalam merancang dan mampu melaksanakan aktiviti yang dirancang dan mempunyai mekanisma untuk menilai aktiviti yang dijalankan.
- iv. Mampu membekalkan maklumat mengenai jadual aktiviti tahunan yang dirancang.
- v. Mampu membekalkan cara untuk pengesahan peserta-peserta yang telah mengikuti aktiviti tersebut dengan jayanya. (contohnya pemberian sijil penyertaan, senarai kehadiran dll)
- vi. Mempunyai cara untuk menilai program yang dijalankan dan mampu untuk membekalkan maklumat-maklumat berikut apabila diperlukan :
 - a. Hubungkait antara kandungan aktiviti dengan cara pembelajaran dan ajaran untuk mencapai objektif CPD program.
 - b. Pencapaian peserta dalam aktiviti yang dijalankan.
 - c. Penceramah/Fasilitator yang terlibat dalam menjalankan aktiviti CPD
 - d. Kaedah dan kemudahan pembelajaran yang bersesuaian.
- vii. Mampu mematuhi *ethical standard* dalam menjalankan aktiviti-aktiviti CPD.

7. Penetapan Keputusan CPD

- 1) Pengumpulan Mata Kredit dijalankan mulai 1 Januari sehingga 31 Disember pada setiap tahun. Penggunaan Mata Kredit CPD bagi penentuan Aras PTK Komponen Fungsional mengikut Skim Perkhidmatan masing-masing seperti di Lampiran 2(a), 2(b), 2(c),2(d).
- 2) Penggunaan untuk tujuan APC yang ditentukan oleh **Badan Profession** masing-masing.

8. Audit Verifikasi CPD

Tujuan penubuhan Pasukan Audit Dalam Verifikasi CPD adalah bagi menjalankan pengauditan kepada sampel pegawai yang terlibat bagi tujuan mengenalpasti sama ada aktiviti CPD yang dijalankan mengikut Garis Panduan Pelaksanaan CPD yang telah ditetapkan, mengenalpasti kelemahan yang ada dan merancang langkah penambahbaikan yang difikirkan perlu. Oleh itu, audit ini adalah tidak bersifat *punitive*.

8.1 Penubuhan Pasukan Audit Verifikasi CPD

Pasukan Audit Verifikasi CPD perlu ditubuhkan di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ), Negeri dan Ibu Pejabat/ *Sub Committee*

8.2 Bahan Auditan

Pasukan audit mestilah menjalankan audit dengan menumpukan kepada bahan-bahan auditan seperti di bawah;


- i. Buku log (*manual*) atau
- ii. Laporan *myCPD online* dan
- iii. Dokumen pengesahan – sijil kehadiran, surat penghargaan dan lain-lain. Semua dokumen sokongan hendaklah disimpan untuk tempoh selama 2 tahun bagi tujuan auditan.

8.3 Pelaksanaan Audit Verifikasi CPD

Untuk memastikan pelaksanaan audit yang mantap dan berkesan proses audit verifikasi ini hendaklah dijalankan seperti berikut;

- i. Auditan hendaklah dijalankan dalam jangkamasa 6 bulan sekali;
- ii. Auditan hendaklah dijalankan terhadap sampel yang dipilih secara rawak.
- iii. Saiz sampel adalah 20% daripada jumlah pegawai terlibat bagi setiap PTJ atau sekurang-kurangnya 10 orang. Auditan akan dibuat terhadap kesemua anggota sekiranya bilangan sampel kurang dari 10 orang.
- iv. Audit dibuat dengan menggunakan Borang Audit Verifikasi CPD (**seperti Lampiran 3**).
- v. Laporan audit hendaklah disediakan dengan menggunakan Borang Laporan Audit (**seperti Lampiran 4**). Laporan ini perlu dibincang di peringkat PTJ dan Negeri. Rumusan auditan peringkat Negeri hendaklah dikemukakan kepada Sekretariat CPD-PTK di Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Carta Alir Proses Permohonan Dan Pengesahan Akreditasi Provider



**Penetapan Aras PTK mengikut Mata Kredit CPD untuk
Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi, Pegawai Pengajar,
Penolong Pegawai Perubatan, Jurutera, Jururawat dan Pegawai Sains Kesihatan
Bersekutu**

TAHAP PTK	ARAS DALAM PTK	MATA KREDIT CPD (KUMULATIF)
TK 1 TK 2	ARAS I	0 - 20
	ARAS II	21 - 39
	ARAS III	40 - 50
	ARAS IV	51 dan ke atas serta mendapat sekurang-kurangnya 10 mata kredit di Kategori A3, A4 atau A5 (atau kombinasi)
TK 3 TK 4 TK 5 TK 6	ARAS I	0 - 20
	ARAS II	21 - 39
	ARAS III	40 - 50
	ARAS IV	51 dan ke atas serta mendapat sekurang-kurangnya 10 mata kredit di Kategori A5, A6, A11 dan B1 atau B2 (atau kombinasi) *wajib mendapat 2 mata kredit dari B2 (skim Jururawat sahaja)

**Penetapan Aras PTK mengikut Mata Kredit CPD untuk
Kumpulan Sokongan (Diploma)**

**Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan dan Penolong Pegawai Penyelidik
(Gred U29, U32, U36, Q27, Q32, Q36, Q38 dan Q40)**

TAHAP PTK	ARAS DALAM PTK	MATA KREDIT CPD (KUMULATIF)
TK 1 TK 2 TK 3	ARAS I	0 - 19
	ARAS II	20 - 29
	ARAS III	30 - 39
TK 4 TK 5 TK 6	ARAS IV	<p align="center">Penolong Pegawai Perubatan >40 Sekurang-kurangnya 10 mata kredit daripada aktiviti A3, A4 atau A5 (atau kombinasi)</p>
<p align="center">Jururawat >40 Sekurang-kurangnya 10 mata kredit daripada aktiviti A3, A4, A5 atau B2 (atau kombinasi)</p>		
<p align="center">Penolong Pegawai Penyelidik >40 Sekurang-kurangnya 10 mata kredit daripada aktiviti A5, A6, A7, A10, B1 atau B2 (atau kombinasi)</p>		

Lampiran 2(c)

Penetapan Aras PTK mengikut Mata Kredit CPD untuk Pegawai Penyelidik

TAHAP PTK	ARAS DALAM PTK	MATA KREDIT CPD (KUMULATIF)
TK 1	ARAS I	0 - 20
TK 2	ARAS II	21 - 39
TK 3		
TK 4	ARAS III	40 - 50
TK 5		
TK 6	ARAS IV	51 dan ke atas serta mendapat sekurang-kurangnya 20 mata kredit di Kategori A5, A6, A7, A10, B1 atau B2 (atau kombinasi)

Lampiran 2(d)

Penetapan Aras PTK mengikut Mata Kredit CPD untuk Kumpulan Sokongan

**Jururawat – Sijil
(Gred U11, U14, U19, U24 dan U26)**

TAHAP PTK	ARAS DALAM PTK	MATA KREDIT CPD (KUMULATIF)
TK 1	ARAS I	0 - 10
	ARAS II	11 - 19
TK 2	ARAS III	20 - 29
	ARAS IV	30 dan ke atas serta mendapat sekurang-kurangnya 10 mata kredit di Kategori A3, A4 atau B2 (atau kombinasi)

Lampiran 3

BORANG AUDIT CPD

Auditor: 1. (Ketua)

2. (Ahli)

3..... (Ahli)

Pusat Tanggungjawab: _____

Auditee: _____

Jawatan dan gred: _____

Pegawai Penilai Pertama (Laporan Nilai Prestasi): _____

Tarikh audit: _____

Dokumen di Audit: Manual log book / myCPD

BIL	PERKARA DIAUDIT	HASIL PENEMUAN	CATATAN
1.	Nama penyelia	Ada / Tiada	Nama penyelia adalah pegawai penilai pertama LNPT
2	Pengesahan penyelia	Ada / Tiada	Ada tandatangan ringkas penyelia dalam masa 3 bulan aktiviti CPD.
3.	Peratus Ketepatan kategori yang direkod	<u>Bil. Kategori yang tepat</u> Jumlah kategori di isi (sila rujuk lampiran A)	Kategori yang dicatatkan bertepatan dengan CPD <i>credit point system</i> yang ditetapkan.

4.	Pertindihan tuntutan markah (multiple entry).	Ada / Tiada	Samada terdapat rekod CPD yang bertindih atau berulang.*
5.	Membuat tuntutan markah bagi tugas hakiki	Ada / Tiada	Merekod aktiviti CPD bagi tugas hakiki pegawai seperti menuntut markah CPD aktiviti ronda wad bagi pegawai perubatan klinikal.
6.	Penyelia mengesahkan kehadiran program CPD yang berkaitan dengan tugas hakiki.	Ada / Tiada	Merekod aktiviti CPD yang difikirkan tidak berkaitan dengan tugas hakiki pegawai.
7.	Pemantauan berkala terhadap buku log oleh penyelia.	Ada / Tiada	Adanya bukti semakan buku log oleh penyelia setiap 3 bulan walaupun tiada aktiviti CPD dijalankan.
8.	Dokumen sokongan berdasarkan kategori. (mengikut kesesuaian)	Ada / Tiada	Dokumen sokongan yang betul dapat disertakan.
9.	Pengumpulan markah dibuat dengan betul berdasarkan keperluan PTK (manual)	Ya / Tidak	Pengumpulan markah dibuat dengan betul dan bersesuaian dengan tahap PTK pegawai.

*** Tuntutan bertindih bermaksud – Pegawai merekodkan aktiviti CPD yang sama sebanyak 2 kali atau merekodkan CPD berulang bagi aktiviti CPD yang sama. Contohnya memberikan ceramah yang sama berulang kali sepatutnya hanya perlu direkod sekali sahaja.**

Lampiran A

KETEPATAN PEMBERIAN MATA CPD MENGIKUT KATOGERI

KATEGORI	BILANGAN AKTIVITI CPD	TEPAT	TIDAK TEPAT	PERATUS TEPAT
A1				
A2				
A3				
A4				
A5				
A6				
A7				
A8				
A9				
A10				
A11				
B1				
B2				
B3				
JUMLAH				

LAPORAN AUDIT CPD

BULAN : _____ TAHUN : _____

Nama PTJ: _____

Bil Pegawai terlibat: _____

Bil. Rekod yang diaudit: _____

Tarikh: _____

Nama Auditor:

1. _____

2. _____

3. _____

BIL	PERKARA YANG PERLU DIAUDIT	LAPORAN
1.	Peratus buku log yang mempunyai nama penyelia sama dengan pegawai penilai pertama direkodkan.	
2	Peratus buku log ada pengesahan penyelia	
3.	Peratus buku log yang mempunyai ketepatan kategori yang direkod	
4.	Peratus buku log terdapat pertindihan tuntutan markah.	

5.	Peratus buku log yang mempunyai membuat tuntutan markah bagi tugas hakiki	
6.	Peratus buku log yang mempunyai pengesahan kehadiran program CPD yang tidak berkaitan dengan tugas hakiki.	
7	Peratus buku log yang mempunyai pemantauan berkala terhadap buku log oleh penyelia.	
8	Peratus buku log yang mempunyai ketepatan pengesahan oleh penyelia mengikut garispanduan markah CPD	
9	Peratus buku log yang mempunyai kesahihan dokumen sokongan mengikut kategori.	
10	Peratus buku log yang mempunyai pengumpulan markah dibuat dengan betul berdasarkan keperluan PTK	

Ulasan :

.....

.....

.....

Kesimpulan :

.....
.....
.....

Cadangan Penambahbaikan :

.....
.....
.....

Tandatangan :

Cop :

Tarikh:

CPD 01(b)

Borang Penghantaran Pencapaian CPD ke Bahagian Pembangunan Kompetensi

Kepada: Setiausaha Bahagian Pembangunan Kompetensi, KKM

Pencapaian CPD untuk Tahun :

Nama dan Alamat JKN/Program :

Skim Perkhidmatan :

Bil	Nama	No K/P	PTJ	Gred Hakiki	Pencapaian CPD		PTK	
					Jumlah CPD Points	CPD Points untuk PTK (Points for annual consideration)	CPD Point (ketogori terpilih)	Aras PTK

Penentuan Aras PTK (TK1 - TK 6)

Aras 1 - < 21CP

Aras II - 21 - 39 CP

Aras III - 40 -50 CP

Aras IV - 51 CP dan ke atas

Komen dan Cadangan:

Pengerusi Jawatankuasa CPD

JKN/Program

Nama :

Cop Rasmi :

Tarikh :